

# UPNM semarak sambutan merdeka

f Share

Tweet

MyMetro > Mutakhir



ABDUL Halim (depan, dua dari kanan) pada sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang UPNM, semalam. FOTO Ihsan UPNM

**Hafidzul Hilmi Mohd Noor**  
hafidzul@hmetro.com.my

BAGI menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan penuntut, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) menganjurkan Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020, semalam.

Program itu hanya disertai 450 kakitangan dan penuntut bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Naib Canselor UPNM, Leftenan Jeneral Datuk Abdul Halim Jalal berkata, program itu diadakan mencetus semangat kemerdekaan selain mewujudkan rasa kekitaan dan kerja berpasukan sekali gus berusaha mengeratkan perpaduan di semua peringkat.

"Di samping itu, program ini turut menyediakan ruang supaya penuntut dan kakitangan UPNM menggunakan kreativiti masing-masing dalam meraikan sambutan hari kemerdekaan.

"Sambutan bulan kebangsaan ini dilihat menjadi titik-tolak dalam penerapan nilai patriotisme dan semangat cintakan tanah air pada setiap warga UPNM," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Abdul Halim berkata, di peringkat UPNM, konsep pengorbanan dan semangat patriotisme diangkat sempena sambutan hari kebangsaan.

"Ini dapat dilihat sebagai tanda terima kasih kepada perajurit negara yang berkorban jiwa dan raga bagi mencapai kemerdekaan hingga kita dapat mengecapi nikmat kemerdekaan, hari ini," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 27 Ogos 2020 @ 3:14 PM

## Mutakhir

- **'Tak habis-habis kena scam'**
- **PSBB di Jakarta dilanjut 14 hari lagi**
- **Hamilton tak boikot GP Belgium**
- **'Kami tenang di Putrajaya'**
- **10 Rang Undang-undang diluluskan**
- **'Saya bimbang keselamatan diri' - Maguire**
- **Tak serik-serik**
- **Lelaki maut tertimbus ketika mendulang**
- **Suntik wang RM1.2 bilion**
- **26 tahun 'berteman' jenazah**
- **700 juta guna ekosistem Huawei di seluruh dunia**